

SISTEM BERSUKU MASYARAKAT ADAT PERPATIH
DI NEGERI SEMBILAN
KAJIAN KES : LUAK INAS

AZZAL ABU TALIB

JABATAN PERSURATAN MELAYU
FAKULTI SAINS KEMASYARAKATAN DAN KEMANUSIAAN
UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA

1992/93

Dedikasi Untuk Keluargaku ...

Emak dan Abah ;

Nah ! Inilah imbuhan di atas pengorbananmu yang tidak sia-sia. Syabas kerana tabah dan sabar mendidik anak-anak. Cacian dan hinaan bukanlah pembunuh semangatmu. Allah tetap bersama kita.

Kak Long, Abang dan Ochek ;

Dorongan, semangat dan kasih sayang kalian tetap adik kenang dan hargai
Kalian tetap adik sayangi.

Buat Anak-Anak Saudara ;

Along, Angah, Alang, Afiz, Akeem, Dhillah dan Faiz,
Bila besar nanti, jadilah insan yang berguna.
Ikutilah jalan yang telah Pak Tam, Abah dan Mak kalian lalui ini.
Kalian adalah penyeri hidup keluarga kita.

Buat Iparku ; Bang Long, Ateh dan Kak Yam :

Semuga bahagia selalu dan berilah ilmu yang berguna kepada anak-anak mu.
Terima kasih di atas doa restu kalian.



UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA

JABATAN PERSURATAN MELAYU

SISTEM BERSUKU MASYARAKAT ADAT PERPATIH
DI NEGERI SEMBILAN
KAJIAN KES : LUAK INAS

oleh

AZZAL ABU TALIB

Latihan ilmiah ini telah diterima oleh Jabatan Persuratan Melayu untuk memenuhi sebahagian keperluan ijazah Sarjanamuda Sastera (dengan kepujian)

pada sesi
92 / 93

Penyelia

13hb. April, 1993

Tarikh

Ketua
Jabatan Persuratan Melayu

13 April 1993

Tarikh

SISTEM BERSUKU MASYARAKAT ADAT PERPATIH
DI NEGERI SEMBILAN
KAJIAN KES : LUAK INAS

AZZAL ABU TALIB
27802

Latihan Ilmiah ini dikemukakan kepada Universiti
Kebangsaan Malaysia bagi memenuhi sebahagian
daripada syarat-syarat Ijazah Sarjana Muda
Kepujian Dalam Bidang Jabatan Persuratan Melayu

Keseluruhan daripada Latihan Ilmiah ini ditulis
dengan perkataan saya sendiri, melainkan
nukilan-nukilan dan ringkasan yang mana tiap-
tiap satunya telah saya jelaskan sumbernya.



Tandatangan

13 APRIL 1993

Tarikh

BIODATA

Azzal b. Abu Talib telah dilahirkan pada 23hb. March 1969 di Kampung Inas, Johol, Negeri Sembilan. Beliau telah mendapat pendidikan awal di Sekolah Kebangsaan Inas, Johol, Negeri Sembilan dari tahun 1976 hingga ke tahun 1981. Kemudian beliau telah melanjutkan pelajaran ke Sekolah Menengah Datuk Undang Abdul Manap, Johol dari tahun 1982 hingga ke tahun 1986 dengan mendapat SRP dan SPM. Seterusnya beliau telah berpindah Sekolah Menengah Tuanku Muhammad (TMS), Kuala Pilah dari tahun 1987 hingga tahun 1988 dengan mendapat Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia (STPM).

Dalam tahun 1989, beliau telah ditawarkan untuk melanjutkan pelajaran ke Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi, Selangor Darul Ehsan. Beliau telah dianugerahkan Ijazah Sarjana Muda Sastera pada tahun 1992 dan ke peringkat Sarjana Muda Sastera Dengan Kepujian di Jabatan Persuratan Melayu pada tahun berikutnya.

13 APRIL 1993

Tarikh



Tandatangan

PENGHARGAAN

Dengan Nama Allah Yang Maha Pemurah Lagi Maha Penyayang.

Alhamdulillah, bersyukur kehadiran Allah s.w.t. kerana dengan limpah dan kurnianya telah memungkinkan Latihan Ilmiah ini dapat disiapkan. Penulis ingin mengucapkan terima kasih dan penghargaan yang tidak terhingga kepada semua pihak yang telah terlibat kerana sumbangan mereka di dalam menyelenggarakan Latihan Ilmiah ini.

Jutaan terima kasih khusus buat Encik Abdullah Jumain Abu Samah selaku penyelia kepada penulis kerana telah banyak memberikan nasihat, pandangan, teguran dan tunjuk ajar dengan tabah dan sabar untuk menjayakan Latihan Ilmiah ini. Tidak lupa juga ucapan terima kasih ditujukan kepada kakitangan perpustakaan Tun Sri Lanang yang telah memberikan kerjasama yang memuaskan. Ucapan penghargaan juga ditujukan khas kepada penduduk-penduduk luak Inas yang telah memberi kerjasama dengan tulus ikhlas di dalam menjalankan kajian ini. Sekalung terima kasih yang tidak terhingga juga diucapkan kepada kawan-kawan yang pernah ketawa dan menangis bersama di UKM, 'Dwen and The Slam Group', Fadzeli, Shidee, Awang. Untuk kalian "Terima Kasih Atas Persahabatan, Ada Jodoh Ada Lagi Pertemuan". Kenangan hidup bersama kalian akan dikenang ke akhir hayat.

Sekian, Wassalam.

Ikhlas Daripada

Azzal Abu Talib
K17F, 102,
Kamsis Rahim Kajai,
Universiti Kebangsaan Malaysia,
43600 Bangi,
Selangor.

Batu 2. Kg. Inas,
73100 Johol,
Negeri Sembilan.
(tal : 06-467603)

SINOPSIS

Latihan Ilmiah ini adalah untuk mengkaji situasi sistem bersuku dalam masyarakat Adat Perpatih di Negeri Sembilan. Sistem bersuku menjadi teras kepada sistem Adat Perpatih yang menjamin kesejahteraan dan keharmonian masyarakat Adat Perpatih. Namun begitu, sebagai elemen kebudayaan Adat Perpatih juga adalah bersifat dinamik dan tidak statik. Melalui proses urbanisasi dan modenisasi serta kesedaran terhadap nilai-nilai Islam, amalan sistem bersuku Adat Perpatih mula terjejas. Perubahan amalan sistem bersuku ini sedikit sebanyak telah menyebabkan perubahan atau terjejasnya sistem Adat Perpatih yang asli. Bab I kajian ini mengandungi latar belakang kajian dan permasalahan yang hendak dikaji. Dalam bab II, pengkaji telah memaparkan sistem bersuku masyarakat Adat Perpatih sebagai 'setting' kajian. Manakala dalam bab III dan bab IV, adalah merupakan dapatan kajian berkaitan dengan amalan sistem bersuku di luar Inas. Kajian ini memperlihatkan bahawa amalan sistem bersuku telah berubah atau terjejas dan ini sekaligus turut menjejaskan solidariti dalam masyarakat Adat Perpatih. Hasil penyelidikan ini mendapati bahawa suku-suku selain daripada suku Biduanda waris tidak begitu mengambil berat tentang amalan sistem bersuku. Dalam bab V, pengkaji membuat satu kesimpulan bahawa sistem bersuku dalam masyarakat Adat Perpatih telah mula berubah.

JADUAL KANDUNGAN

	<u>Halaman</u>
HALAMAN JUDUL	i
PENGAKUAN	ii
LATAR DIRI	iii
PENGHARGAAN	iv
SINOPSIS	v
JADUAL KANDUNGAN	vi
BAB I : <u>ADAT PERPATIH DAN LUAK INAS : SATU PENGENALAN</u>	(1-18)
1.0 Pendahuluan	
1.1 Pengenalan	1
1.2 Tujuan Kajian	7
1.3 Bidang Kajian	8
1.4 Metodologi	9
1.5 Kajian Lepas	11
1.6 Kawasan Kajian	13
1.6.1 Kegiatan Ekonomi	14
1.6.2 Kemudahan Asas	15
1..6.3 Kemudahan Pendidikan	16

	<u>Halaman</u>
BAB II : <u>SISTEM BERSUKU MASYARAKAT ADAT PERPATIH DI NEGERI SEMBILAN</u>	(19-57)
2.1 Sejarah Kedatangan Adat Perpatih	19
2.1.1 Asal-Usul Adat Perpatih	20
2.1.2 Sistem Pelapisan Masyarakat Adat Perpatih	21
2.2 Sistem Bersuku	24
2.3 Konsep Bersuku	29
2.3.1 Struktur Sistem Bersuku	36
2.4 Keahlian Dalam Suku	40
2.5 Hubungan Antara Suku	43
2.6 Pengelompokan Suku	46
2.7 Keperihaln Bersuku	47
2.7.1 Sistem Politik	48
2.7.2 Sistem Ekonomi	51
2.7.3 Sistem Sosial	53
2.8 Hubungan Dengan Minangkabau	56

	<u>Halaman</u>
BAB III : <u>SISTEM BERSUKU DI LUAK INAS</u>	(58-82)
3.1 Kedudukan Sistem Bersuku Di Luak Inas	58
3.2 Sistem Bersuku Di Luak Inas	59
3.3 Pengetahuan Tentang Nama Suku	62
3.4 Pengetahuan Tentang Jumlah Suku	66
3.5 Bentuk Sistem Perkahwinan	68
3.6 Perkahwinan Sesuku	71
3.7 Hubungan Anak Buah Dengan Ketua Adat	72
3.8 Golongan Yang Kuat Mengamalkan Sistem Bersuku	74
3.9 Konsep Tolong-Menolong	76
3.10 Pandangan Terhadap Adat Perpatih	78
3.11 Kesimpulan	82
BAB IV : <u>AMALAN SISTEM BERSUKU</u>	(83-108)
4.1 Sistem Kekerabatan	83
4.2 Sistem Perkahwinan	87
4.3 Sistem Perwarisan Dan Kesannya	90
4.4 Keistimewaan Suku Biduanda	92
4.5 Konsep Gotong-Royong Dan Tolong-Menolong	95
4.6 Perubahan Sikap Dan Pandangan	98
4.7 Kepentingan Adat	100
4.8 Hubungan Ketua Adat Dengan Anak Buah	103
4.9 Kesedaran Dan Perkembangan Islam	105
BAB V : <u>PENUTUP</u>	(108-114)
BIBLIOGRAFI	

Usang-usang diperbaharui,
 Lapuk-lapuk dikajangi,
 Yang elok dipakai,
 Yang buruk dibuang.

- Perbilangan Adat

BAB IV

AMALAN SISTEM BERSUKU

4.1 Sistem Kekerabatan

Sistem kekerabatan dalam masyarakat Adat Perpatih adalah bercorak matrilineal yang menggalurkan keturunan daripada nasab sebelah ibu. Penggaluran keturunan melalui nasab ibu ini mewujudkan suatu 'clan' yang dipanggil suku. Suku merupakan suatu unit keluarga yang terbesar. Mereka yang mempunyai suku yang semua adalah dianggap saudara sedarah. Suku terbentuk daripada gabungan beberapa buah perut. Namun begitu ada juga suku yang terbentuk daripada satu perlu sahaja. Perut pula dibentuk melalui gabungan beberapa buah keluarga. Dalam ertikata lain, keluarga adalah merupakan unit terkecil dalam jurai sistem kekerabatan masyarakat Adat Perpatih. Sistem matrilineal ini adalah dipercayai berasal dari Minangkabau. Kedatangan masyarakat Minangkabau telah turut sama membawa

sistem tersebut ke Negeri Sembilan dan diamatkan oleh masyarakat Melayu Adat Perpatih.

Pada masa dahulu, sistem kekerabatan masyarakat Adat Perpatih merupakan suatu ikatan kekeluargaan yang sangat erat. Mereka yang sesuku dianggap sebagai satu keluarga yang besar, keamatan hubungan mereka adalah sama juga sepertimana keamatan hubungan antara adik-beradik di dalam sesebuah keluarga kecil. Pentingnya keamatan ikatan sesesuku masyarakat Adat Perpatih ini dapat dilihat dalam perbilangan adat ; dekat cari waris, jauh cari suku. Ini bermaksud, jika seseorang itu hidup merantau jauh dari sanak saudara dan keluarga maka adalah digalakkan agar mencari orang-orang yang sesuku dengannya sebagai ganti keluarga dan sanak saudara yang ditinggalkan. Suku itu jugalah yang menjadi pelindung dan tempat mengadu apabila menghadapi sesuatu masalah. Hubungan dengan masyarakat sesuku di tempat perantauan itu juga adalah sama eratnya sebagaimana hubungan dengan keluarga sendiri. Imej peribadi akan memancarkan imej suku. Dengan kata lain jika seseorang itu membuat sesuatu perkara yang mengaibkan, maka malu bukan hanya ditanggung oleh orang berkenaan tetapi juga akan turut ditanggung oleh seluruh suku yang berkenaan.

Namun begitu, pada masa kini, konsep tersebut telah mulai berubah. Imej peribadi bukan lagi memancarkan imej

suku tetapi lebih dieratkan kepada imej sesebuah keluarga. Umpamanya jika si A yang melakukan kesalahan atau mendapat sesuatu kejayaan maka kesalahan atau mendapat sesuatu kejayaan maka keluarga A akan mendapat nama buruk dan baiknya. Jarang sekali orang mengatakan orang mengatakan atau menyebut nama sesuatu suku orang yang berkenaan.

Begitu juga halnya dengan dekat cari waris dan jauh cari suku. Perpatah atau perbilang adat ini kini hanya tinggal nama sahaja. Masyarakat pada hari ini tidak lagi mengutamakan suku. Apa yang lebih dipentingkan dalam sesuatu hal itu ialah adik-beradik, waris atau keluarga yang terdekat sahaja. Umpamanya di dalam sesuatu majlis atau kenduri kendara. Seseorang itu akan lebih memberi keutamaan kepada saudara mara yang terdekat sahaja dan kadangkala cuma menjemput jiran-jiran sahaja. Saudara sesuku ditinggalkan atau diabaikan begitu sahaja apatah lagi jika keluarga suku yang duduk berjauhan.

Keadaan sistem masyarakat yang terbuka pada masa sekarang telah melonggarkan lagi kaitan kekeluargaan dan amalan sistem bersuku di dalam masyarakat Melayu Adat Perpatih di Negeri Sembilan. Sistem masyarakat terbuka membolehkan masyarakat bebas berpindah atau tinggal di mana sahaja walaupun kadangkala berjauhan dengan suku atau

keluarga mereka. Dengan perkataan lain mereka telah mulai keluar dari kehidupan bersuku dan tinggal di tempat lain yang tidak menitikberatkan amalan hidup bersuku. Di tempat kediaman yang baik, mereka tidak lagi mempunyai atau dikelilingi oleh saudara-mara atau ahli-ahli suku mereka. Apa yang ada hanyalah jiran-jiran yang tidak mempunyai pertalian darah bahkan ada yang tidak langsung berdarah dan Minangkabau atau Adat Perpatih. Ini bermakna mereka lebih bergaul rapat dengan jiran-jiran berbanding dengan saudara sesuku yang tinggal di kampung halaman. Ini sedikit sebanyak telah menjejaskan hubungan dan amalan sistem hidup bersuku di kalangan masyarakat Adat Perpatih.

Kehidupan di tempat baru yang jauh dari lingkungan kehidupan masyarakat Adat Perpatih telah menyebabkan mereka meninggalkan sebahagian daripada amalan sistem Adat Perpatih. Mereka perlu menyesuaikan diri dengan kehidupan sekeliling yang tidak mengamalkan adat tersebut. Lama-kelamaan adat itu semakin terhakis dan terhapus daripada hati sanubari dan amalan hidup mereka.

Secara keseluruhannya, proses modenisasi dan urbanisasi yang berlaku telah turut sama dirasakan oleh masyarakat Adat Perpatih di Negeri Sembilan. Kesan dari proses tersebut sedikit sebanyak telah mengubah konsep kekerabatan dan hubungan masyarakat Adat Perpatih.

4.2 Sistem Perkahwinan

Pada masa dahulu, perkahwinan yang berlaku di dalam masyarakat Adat Perpatih adalah hanya di antara dua buah suku yang berbeza. Dengan perkataan lain, perkahwinan yang dilangsungkan adalah di dalam masyarakat yang tertutup. Ini adalah kerana Adat Perpatih tidak membenarkan perkahwinan di kalangan suku yang sama. Perkahwinan di dalam satu suku yang sama dianggap perbuatan yang sumbang kerana perbuatan ini dikatakan sebagai mengahwini saudara yang sedarah ataupun adik-beradik. Oleh itu Adat Perpatih menggalakkan perkahwinan antara dua suku yang berbeza.

Pada masa kini, terdapat tiga corak perkahwinan yang berlaku dalam masyarakat Adat Perpatih. Corak perkahwinan yang pertama ialah antara lelaki bersuku dengan perempuan bersuku. Ini adalah corak perkahwinan yang biasa dalam masyarakat adat ini dan berlaku sejak dari zaman dahulu lagi. Dengan perkataan lain perkahwinan ini adalah dalam masyarakat yang tertutup. Anak yang lahir daripada perkahwinan ini akan mewarisi suku ibunya. Umpamanya jika suku ibunya Batu Hampar maka suku anaknya juga adalah suku Batu Hampar. Walau dari suku apapun bapanya, ia tidak akan menjejaskan penggaluran keturunan nasab ibu atau suku anak

yang berkenaan. Pendek kata, suku bapa tidak akan mempengaruhi suku anaknya kerana penggaluran keturunan adalah pada nasab sebelah ibunya. Anak itu akan terus mewarisi dan mengamalkan sistem bersuku dan berhak mewarisi harta ibunya jika anak itu perempuan.

Corak perkahwinan yang kedua ialah perkahwinan di antara perempuan bersuku dengan lelaki tidak bersuku. Anak yang lahir daripada perkahwinan ini masih lagi mewarisi Adat perpatih. Kalau dahulu, lelaki yang tidak bersuku ingin berkahwin dengan perempuan bersuku dikehendaki memasuki salah satu daripada suku yang terdapat dalam Adat Perpatih. Dia akan melalui satu majlis berkedim untuk diperakukan menjadi ahli suku atau sebahagian daripada masyarakat Adat Perpatih. Namun begitu pada masa kini, upacara berkedim ini jarang dilakukan lagi dan mulai pupus. Sesiapa yang hendak berkahwin itu tidak perlu lagi memasuki atau menjadi ahli suku. Dengan perkataan lain perkahwinan yang berlaku adalah dalam masyarakat yang lebih terbuka.

Satu lagi corak perkahwinan dalam masyarakat Adat Perpatih pada masa ini ialah perkahwinan di antara lelaki bersuku dengan perempuan tidak bersuku atau perempuan yang di luar masyarakat Adat Perpatih. Anak yang lahir daripada perkahwinan tersebut bukan lagi menjadi ahli suku atau

masyarakat Adat Perpatih. Beliau tidak mempunyai suku walaupun tinggal di sekeliling masyarakat Adat Perpatih atau sepupunya yang lain yang menjadi ahli suku bapanya. Dengan perkataan lain perkahwinan yang sedemikian telah menjejaskan penggaluran keturunan melalui nasab ibu masyarakat Adat Perpatih.

Jika ditinjau nisbah jumlah individu yang berkahwinan dengan orang luar Adat Perpatih dan individu yang berkahwin dengan orang tempatan adalah hampir sama banyaknya. Keturunan yang lahir dari perkahwinan antara lelaki bersuku dan lelaki tak bersuku dengan perempuan Adat Perpatih lebih ditekankan tentang amalan sistem bersuku Adat Perpatih berbanding dengan keturunan daripada ibu yang tidak bersuku. Keturunan ini tidak langsung ditekankan tentang adat tersebut malahan tercampak jauh daripada amalan sistem bersuku walaupun bapanya adalah berdarah Adat Perpatih. Ini menjejaskan amalan sistem bersuku.

Selain daripada itu terdapat juga perkahwinan yang dilakukan dalam satu suku yang sama. Perkahwianan sesuku ini walaupun kecil bilangannya tetapi apa yang ingin ditonjolkan ialah bahawa perkara sedemikian yang suatu ketika dulu dianggap sebagai perbuatan sumbang telah berlaku dalam masyarakat Adat Perpatih pada masa sekarang. Keadaan ini merosakkan amalan sistem bersuku.

4.3 Sistem Perwarisan Dan Kesannya

Harta pusaka seperti sawah padi dan rumah adalah merupakan hak milik suku dan tidak boleh dijualbeli. Harta pusaka suku ini diperuntukkan untuk kaum wanita kerana mereka adalah ibu dan pengembang zuriat atau suku. Harta pusaka, umpamanya sawah padi yang dimiliki oleh seseorang ibu itu akan dibahagi-bahagikan pula kepada anak-anak perempuannya sebagai pewaris pusaka. Lebih ramai anak perempuan dalam sesebuah keluarga maka lebih kecil perempuan dalam keluarga tersebut. Umpamanya, jika dalam sesebuah keluarga itu mempunyai peninggalan ibunya adalah 10 ekar, maka jumlah yang akan diwarisi oleh tiap seorang daripada mereka adalah 2 ekor. Begitulah seterusnya tanah pusaka yang 2 ekar itu akan terus dibahagi-bahagikan kepada anak-anak perempuan masing-masing. Pendek kata tanah pusaka itu menjadi semakin kecil saiznya sehinggakan tidak begitu ekonomi lagi untuk diusahakan.

Oleh kerana tanah pusaka yang diwarisi semakin mengecil saiznya dan tidak ekonomi untuk diusahakan maka masyarakat Adat Perpatih kurang berminat untuk terus menjalankan aktiviti pertanian atau bersawah padi. Keadaan ini akan menyebabkan bertambahnya bilangan tanah-tanah yang terbiar dan dipenuhi oleh semak-samun.

Arus modernisasi dan urbanisasi yang semakin pesat banyak menawarkan peluang-peluang pekerjaan di dalam berbagai sektor sama ada awam atau swasta. Oleh kerana kehidupan sebagai petani tidak begitu menjamin dan ekonomi, ramai di kalangan penduduk desa mula berlumba-lumba berhijrah meninggalkan kampung halaman untuk merebut peluang-peluang pekerjaan. Dengan perkataan lain, mereka berhijrah dan meninggalkan masyarakat Adat Perpatih serta saudara mara. Di penempatan baru, di bandar umpamanya, mereka bergaul dengan berbagai masyarakat. Sebahagian daripadanya amalan dan cara hidup bersuku telah mula ditinggalkan dan semakin dilupakan. Anak-anak mereka atau generasi baru tidak lagi begitu memahami dan tidak mengamalkan amalan hidup bersuku dan Adat Perpatih kerana mereka tidak terdedah kepada sistem tersebut.

Pewarisan pusaka oleh kaum wanita sedikit sebanyak telah menimbulkan konflik dingin antara kaum lelaki dengan kaum perempuan. Ada terdapat kaum lelaki yang tidak begitu berpegang kepada prinsip-prinsip Adat Perpatih yang menetapkan bahawa pewaris harta pusaka adalah untuk wanita. Di kalangan mereka, ada yang tidak bersetuju dengan cara pembahagian harta pusaka. Mereka berpendapat bahawa pembahagian pusaka menurut Adat Perpatih adalah tidak adil dan mendakwa mereka juga sepatutnya berhak untuk mewarisi

harta peninggalan ibunya. Dengan perkataan lain, mereka juga inginkan sikap tidak berpuas hati ini sedikit sebanyak mempengaruhi pegangan terhadap Adat Perpatih. Oleh itu tidak hairanlah jika didapati mereka tidak begitu mengendahkan tentang hal-hal yang berkaitan dengan Adat Perpatih.

4.4 Keistimewaan Suku Biduanda

Dari segi kelompok suku pula, didapati suku Biduanda adalah merupakan satu-satunya suku yang agak kuat berpegang kepada Adat Perpatih. Namun begitu, ia bukan bermaksud semua suku Biduanda tetapi adalah khusus kepada suku Biduanda Waris. Suku-suku Biduanda yang lain tidaklah begitu kuat pegangannya terhadap adat malahan sama juga seperti suku-suku yang lain seperti suku Semelenggang, Batu Hampar dan sebagainya.

Suku Biduanda Waris berpegang kuat kepada sistem bersuku kerana mempunyai kepentingan tertentu. Suku ini merupakan suku yang memerintah dan menjawat jawatan Datuk Penghulu. Oleh itu untuk menjaga kepentingan suku, mereka terpaksa menjaga dan mengamalkan sistem Adat Perpatih dengan sebaik-baik yang mungkin.

Jawatan Datuk Penghulu disandang oleh suku Biduanda Waris mengikut giliran perut. Mana-mana perut yang telah melakukan kesalahan atau telah melanggar larangan adat akan terkeluar daripada senarai untuk menyandang jawatan-jawatan penting di dalam sistem politik Adat Perpatih seperti Penghulu, Datuk Bentara Jantan, Datuk Bentara Betina dan sebagainya. Oleh itu tidak hairanlah jika didapati suku Biduanda Waris ini lebih cenderung mempertahankan dan mengamalkan Adat Perpatih bersungguh-sungguh berbanding dengan suku-suku Biduanda yang lain seperti Biduanda Cenerung, Biduanda Kuala Punggor, Biduanda Buah Petai, Biduanda Kabung, Biduanda Gating mahupun suku Biduanda Betawi.

Dalam suku-suku yang lain pula, didapati cuma kaum wanita sahaja yang agak kuat berpegang kepada sistem bersuku dan mematuhi amalan Adat Perpatih khususnya yang berkaitan dengan harta pusaka. Namun begitu di dalam suku Biduanda Waris didapati bahawa kedua-dua golongan iaitu lelaki dan wanita turut sama mematuhi dan menjaga kepentingan amalan sistem bersuku. Seperti kaum wanita suku yang lain, kaum wanita daripada suku Biduanda Waris ini juga berhak menyandang harta pusaka ibu atau suku mereka. Manakala kaum lelaki pula mempunyai kepentingan untuk menyandang jawatan Penghulu dan jawatan-jawatan lain dalam sistem pemerintahan Adat Perpatih. Ini menunjukkan bahawa mereka yang mempunyai kepentingan tertentu di dalam sistem bersuku Adat Perpatih masih mengamalkan dan mempertahankan sistem

bersuku manakala suku-suku yang lain memandang remeh dan tidak begitu bersungguh-sungguh mengamalkan dan mempertahankan sistem Adat Perpatih. Dengan perkataan lain sesiapa yang tidak berkenaan atau tidak berkepentingan dan tidak mempunyai keistimewaan tidak mengambil berat tentang Adat Perpatih. Keadaan ini telah menjejaskan amalan sistem bersuku dalam masyarakat Adat Perpatih.

Sistem Adat Perpatih telah menetapkan bahawa harta pusaka adalah menjadi hak milik kaum wanita kerana kaum wanita adalah merupakan ibu yang melahirkan dan mengembangkan sesebuah suku. Oleh itu adalah dirasakan perlu bagi kaum wanita untuk mewarisi harta pusaka sebagai tapak atau tempat tinggal untuk menjaga dan mengembangkan suku. Kaum wanita juga dikatakan begitu penting dalam masyarakat Adat Perpatih. Oleh sebab itu sesebuah keluarga yang tidak mempunyai anak perempuan adalah dibolehkan untuk mengambil anak angkat. Bagi keluarga yang tidak mempunyai anak perempuan harta pusaknya akan diwarisai oleh saudara perempuannya yang terdekat sekali. Begitulah penting dan rapatnya hubungan harta pusaka dengan kaum wanita dalam Adat Perpatih. Sikap berkepentingan peribadi dalam amalan Adat Perpatih sedikit sebanyak telah menjejaskan amalan sistem bersuku di dalam masyarakat Adat Perpatih. Golongan yang mengetahui dan memahami Adat Perpatih juga semakin kecil dan sedikit bilangannya dan lama-kelamaan ia akan terus hilang. Sistem nilai dalam masyarakat Adat Perpatih

telah mulai berubah. Kalau dahulu adat sering sahaja diletakan pada suatu tahap yang tinggi oleh semua masyarakat Adat Perpatih tetapi pada masa sekarang adat ini tidak begitu diambil berat malahan ada yang berpendapat bahawa Adat Perpatih itu hanya diamalkan dan dipertahankan oleh mereka yang mempunyai kedudukan yang istimewa dan berkepentingan tertentu sahaja.

4.5 Konsep Gotong Royong Dan Tolong-Menolong

Sistem bersuku dalam masyarakat Adat Perpatih menggalakkan sikap bergotong-royong dan tolong-menolong di antara satu sama lain terutama sekali sesama suku yang dianggap sebagai saudara sedarah. Konsep ini merupakan salah satu daripada ciri-ciri sosial yang terdapat dalam masyarakat Adat Perpatih terutamanya di dalam menjalankan kegiatan ekonomi seperti bersawah padi dan majlis kenduri-kendara. Namun begitu konsep murni ini semakin hari semakin dilupakan dan mulai berkurangan amalannya di dalam kehidupan sehari-hari masyarakat Melayu adat tersebut. Kebanyakan dari kerja-kerja tersebut hanya dijalankan oleh ahli-ahli keluarga sahaja dan jarang sekali melibatkan bantuan daripada orang luar. Konsep ini mulai berkurangan kerana pada masa kini, pertanian bukan lagi menjadi punca ekonomi utama masyarakat Adat Perpatih. Sawah padi tidak begitu banyak lagi dikerjakan dan keluasan sawah juga semakin berkurangan kerana faktor perwarisan. Keluasan sawah yang

agak kecil tidak memerlukan tenaga yang banyak untuk mengusahakannya. Oleh itu pertolongan daripada orang lain juga adalah tidak diperlukan. Segala kerja mampu dikerjakan oleh ahli-ahli dalam keluarga sahaja. Selain dari itu, bilangan tanah terbiar juga semakin bertambah. Ini disebabkan oleh masyarakat sendiri yang tidak berminat untuk mengusahakannya kerana dikatakan tidak lagi ekonomi dan tidak produktif ekoran dari sistem perwarisan yang menyebabkan saiz tanah yang semakin kecil. Kurangnya aktiviti pertanian ini sedikit-sebanyak telah mengurangkan atau menghapuskan sama sekali aktiviti gotong-royong yang selama ini merupakan salah satu daripada nilai murni yang terdapat dalam masyarakat Adat Perpatih.

Salah satu lagi faktor yang menyebabkan kegiatan bergotong royong di kalangan suku masyarakat Adat Perpatih semakin berkurangan ialah kerana kemajuan teknologi moden. Dengan mempunyai sistem dan kedudukan ekonomi yang kukuh seseorang itu mampu menggunakan teknologi moden dalam menjalankan tugas-tugas hariannya. Umpamanya dalam kerja sawah padi, masyarakat pada hari ini telah mula menggunakan jentera-jentera moden seperti traktor dan jentera penuai. Penggunaan teknologi moden ini lebih mudah dan menjimatkan masa berbanding dengan penggunaan cangkul dan bergotong-royong.

Kemerosotan amalan aktiviti bergotong-royong turut berlaku dalam kerja-kerja menyambut kenduri kahwin. Dahulu seminggu sebelum berlangsungnya sesebuah majlis perkahwinan dalam sesebuah suku itu akan berkampung di rumah pengantin untuk membantu tuan rumah membuat berbagai-bagai persiapan untuk menyambut majlis tersebut seperti mendirikan khemah, menebang buluh dan sebagainya. Tetapi, apabila keadaan bertambah moden dan maju, kerja-kerja berkampung untuk menebang buluh dan membuat khemah ini tidak lagi dilakukan. Mereka telah menggunakan khemah-khemah besi dan kerusi yang boleh disewakan daripada orang-orang tertentu. Keadaan sedikit sebanyak telah mengurangkan dan menjejaskan aktiviti bergotong-royong dan bantu-membantu sesama suku yang dianggap sebagai saudara rapat dalam masyarakat Adat Perpatih. Dengan ertikata yang lain, penggunaan teknologi dan alat-alat moden telah mengurangkan aktiviti-aktiviti bergotong-royong yang selama ini menjadi alat dalam memupuk dan menyemai semangat bertanggungjawab terhadap jiran-jiran, saudara mara dan apatah lagi saudara sesuku yang dianggap sebagai saudara sedarah yang begitu rapat. Kurangnya aktiviti bergotong royong ini juga bermakna ikatan kekeluargaan sesuku itu telah agak longgar dan menjejaskan ikatan sistem bersuku dalam masyarakat Adat Perpatih.

4.6 Perubahan Sikap Dan Pandangan

Amalan sistem bersuku melahirkan semangat tolong-menolong, bertanggungjawab, kasih-mengasihi dan hormat-menghormati sesama masyarakat bersuku Adat Perpatih. Jika seseorang itu membuat kecelaan atau kesalahan maka malu bukan hanya ditanggung oleh individu yang berkenaan tetapi juga turut dirasakan dan ditanggung oleh setiap individu dalam suku yang terlibat itu. Dengan perkataan lain cubit paha kanan, paha kiri turut merasakan kesakitannya. Begitulah akrabnya hubungan kesukuan masyarakat Adat Perpatih. Namun begitu ekoran daripada arus kemodenan, sikap sedemikian telah mulai luntur dan tidak begitu diamalkan lagi dalam masyarakat Adat Perpatih. Manusia sering hidup berlumba-lumba mengejar kemajuan. Ini menjadikan sesiapa yang berusaha dengan lebih giat akan menikmati kehidupan yang lebih sempurna dan yang kurang berusaha akan terus tercicir. Identiti suku tidak lagi pentingkan. Sikap dan pandangan bahawa mereka yang sesuku itu adalah bersaudara telah mulai berubah malahan di dalam keluarga, banyak terdapatnya pertelingkahan antara adik beradik, ayah, ibu dan sebagai dalam usaha membolot harta pusaka. Semangat bertolak ansur telah hilang daripada amalan mereka. Keadaan ini amat bertentangan dengan amalan sistem bersuku yang menganjurkan sikap bermuafakat dan budi. Hal ini juga

telah menjejaskan amalan hidup bersuku masyarakat Adat Perpatih.

Arus modenisasi dan urbanisasi telah turut sama mengubah corak hidup di samping meninggikan lagi taraf pendidikan masyarakat. Kesedaran ibu bapa tentang betapa apentingnya anak-anak mendapat pendidikan yang sempurna telah semakin bertambah. Anak-anak mereka dihantar ke sekolah-sekolah yang baik serta melanjutkan pengajian ke institusi-institusi pengajian tinggi di dalam atau di luar negeri.

Anak-anak mereka yang berkelulusan tinggi ini mempunyai pandangan yang berbeza daripada golongan tua yang lebih cenderung mempertahankan Adat Perpatih. Mereka yang berpendidikan moden ini mempunyai tanggapan yang berbeza tentang adat. Pergaulannya dengan masyarakat luar telah membuka pandangan luas mereka. Masyarakat luar dikatakan lebih maju kerana tidak terkongkong oleh adat. Lantaran daripada itu, mereka mula mengandaikan bahawa adat itu sebagai membelenggu fikiran masyarakat dan menyekat ke arah kemajuan. Golongan ini mampu mempengaruhi golongan lain untuk turut sama memboikot adat. Tegasnya, penerimaan pendidikan moden telah sedikit sebanyak menggoncangkan pengamalan sistem bersuku dan Adat Perpatih. Ada golongan

masyarakat Adat Perpatih sendiri yang mendakwa bahawa adat ini telah lapuk, kolot dan tidak sesuai lagi diamalkan di zaman moden ini apatah lagi negara kita sedang menuju wawasan 2020.

4.7 Kepentingan Adat

Di dalam zaman yang serba maju dan moden ini, masyarakat tidak lagi begitu mementingkan amalan-amalan yang terdapat di dalam sistem bersuku dan Adat Perpatih. Sebagaimana yang telah dibicarakan sebelum ini sesuatu adat itu dijaga dan diamalkan kerana ada sesuatu kepentingan atau kegunaan sahaja.

Adat Perpatih cuma digunakan dan diamalkan dalam keadaan-keadaan tertentu sahaja. Umpamanya, adat ini sering digunakan ketika hendak melangsungkan majlis perkahwinan, melantik jawatan ketua adat dan membahagikan harta pusaka sahaja. Oleh itu hanya mereka yang terlibat sahaja yang perlu mengetahui hal-hal yang berkaitan dengan Adat Perpatih.

Dalam majlis perkahwinan, seseorang itu perlu mengetahui nama sukunya dan suku bakal tempat beliau

menyemenda. Selain daripada itu, beliau juga perlu mengenali siapa ketua adat atau buapaknya terlebih dahulu kerana buapaklah yang akan berbincang dengan pihak yang satu lagi tentang urusan perkahwinan tersebut. Namun begitu, kadangkala khidmat buapak tidak diperlukan. Ada masyarakat adat ini yang lebih suka menguruskan perkahwinannya sendiri. Ini bertentangan dengan amalan sistem bersuku yang memberi kuasa kepada ketua adat menguruskan urusan anak buahnya.

Hal-hal lain selain daripada yang disebutkan tadi, masyarakat Adat Perpatih tidak lagi mengikut amalan sistem bersuku. Dengan perkataan lain penggunaan sistem Adat Perpatih semakin terhad di dalam kegiatan sehari-harian mereka.

Adat berkedim yang merupakan salah satu amalan yang terdapat dalam sistem bersuku telah mula pupus dan jarang diamalkan lagi. Adat berkedim biasanya dilakukan oleh mereka yang tidak mempunyai anak perempuan bagi menjadi pewaris harta pusaka suku mereka. Namun demikian, ada masyarakat bersuku yang mengambil anak angkat tanpa menjalankan upacara berkedim. Mengikut Adat Perpatih, anak tersebut tidak boleh mewaris harta pusaka kerana belum menjadi ahli sesebuah suku yang berkenaan. Anak yang lahir daripada perempuan yang belum dikedimkan ke dalam sesuatu

suku tidak boleh disusur-galurkan keturunannya dari suku yang berkenaan. Walau bagaimanapun hal tersebut semakin banyak berlaku. Jika ini dibiarkan daripada terus berlaku, maka akan menjejaskan sistem bersuku kerana ada orang yang tidak sepatutnya menjadi ahli suku tersebut telah menganggotainya dan mendapat layanan yang sama dengan ahli-ahli jati suku berkenaan. Ini merupakan sesuatu yang tidak begitu adil dan sering dipertikaikan oleh sesetengah pihak tetapi tidak begitu dipedulikan oleh pihak-pihak tertentu. Hal yang sedemikian menggugat dan menjejaskan keaslian amalan sistem bersuku dalam masyarakat Adat Perpatih.

Konsep muafakat merupakan suatu konsep yang mewarnai sistem sosial dan politik masyarakat Adat Perpatih. Sebarang masalah yang timbul akan dicari jalan penyelesaiannya. Begitu juga halnya jika berlaku sebarang kekusutan dan masalah dalam suku-suku. Ketua adat tiap-tiap suku akan mengadakan mesyuarat tahunan di balai penghulu untuk mencari kata sepakat dan penyelesaian. Namun begitu pada masa kini, mesyuarat yang sepatutnya diadakan pada setiap tahun itu telah tinggal pada nama sahaja kerana tidak pernah lagi diadakan. Dengan itu segala masalah yang dihadapi oleh suku-suku yang berkenaan dibiarkan begitu sahaja tanpa ada teguran-teguran yang membina. Hal yang sedemikian juga, lama-kelamaan menjejaskan amalan sistem bersuku.

4.8 Hubungan Ketua Adat Dengan Anak Buah

Hubungan yang baik antara anak-anak buah dengan ketua-ketua adat sesuatu suku melambangkan keharmonian dan kesejahteraan hidup suku-suku yang berkenaan. Sikap saling hormat-menghormati antara kedua-dua pihak akan mewujudkan suatu persefahaman dan keharmonian hidup. Segala masalah yang dihadapi serta kekusutan yang berlaku akan dirujuk kepada ketua adat untuk diselesaikan dan dibincangkan bersama dalam suasana kekeluargaan. Segala keputusan yang dibuat oleh ketua adat melalui muafakat diterima dengan tenang dan hati yang terbuka. Soal berkecil hati jarang sekali timbul kemudian. Ketua adat yang dipilih sebulat suara diberi kepercayaan untuk memimpin sesebuah suku dengan seadil-adilnya. Ahli-ahli suku memberi kepercayaan yang penuh kepada ketua adat yang dilantik dan segala urusan yang berkaitan dengan adat adalah melalui ketua adat tersebut. Sikap bertindak bersendirian dan membelakangi ketua adat tidak harus timbul kerana membelakangi ketua adat bermakna juga membelakangi saudara mara yang lain kerana ketua adat dipilih mengikut kehendak suara ramai.

Namun begitu, daripada kajian yang telah dijalankan, pengkaji mendapati bahawa hubungan yang erat antara anak buah dengan ketua adat seperti yang dibincangkan tadi tidak

begitu ketara lagi dalam kehidupan masyarakat bersuku. Di dalam hal-hal yang tertentu seperti melangsungkan perkahwinan ada di antara anak buah yang mengambil keputusan sendiri dan tidak menggunakan ketua adat atau buapak yang dilantik secara rasmi. Mereka memberi alasan bahawa mereka tidak sebulu dengan ketua adat berkenaan. Lantaran itu juga mereka menggunakan ketua adat yang mereka lantik sendiri. Dengan ini lahir banyak ketua adat dalam sesuatu suku. Ini menunjukkan bahawa telah adanya perpecahan di kalangan anggota suku yang telah menjejaskan amalan hidup bersuku masyarakat Adat Perpatih.

Daripada kajian yang dijalankan juga, didapati ada di antara ahli suku yang tidak langsung mengenali siapa ketua adat mereka. Pada masa dahulu keadaan ini tidak berlaku dalam suasana kehidupan bersuku. Kajian juga menunjukkan bahawa ada di antara ahli suku yang tidak begitu bersetuju untuk merujuk masalah yang dihadapi kepada ketua adat mereka sendiri. Mereka seolah-olah kurang mempercayai ketua adat yang dilantik sendiri oleh suku mereka.

Dalam kes-kes tertentu ada terdapat ketua adat yang gagal menjalankan tugas yang diamanahkan dengan baik. Kesalahan-kesalahan yang dilakukan oleh ahli suku dibuat tidak nampak sahaja. Mereka berasa segan dan takut untuk

menegur atau menjatuhkan hukuman kepada anak-anak buahnya. Umpamanya dalam kes berkahwin sesuku yang berlaku di luak Inas. Setakat ini tidak ada sebarang usaha diambil untuk menyelesaikan masalah atau mengambil tindakan terhadap pasangan yang melakukan kesalahan yang dianggap besar tersebut.

Salah satu faktor mengapa ketua adat tidak berani untuk mengambil tindakan sewajarnya ialah kerana kedudukan pasangan tersebut yang terdiri dari orang yang agak berada dan terpelajar. Ketua adat hanya berani mengambil tindakan terhadap kesalahan yang dilakukan oleh orang yang kurang berada. Biasanya golongan ini yang lebih mematuhi perintah ketua adat. Keadaan ini jelas menunjukkan bahawa terdapatnya kepincangan hubungan antara ketua adat dengan anak-anak buahnya yang telah menjejaskan kedudukan amalan sistem bersuku dalam masyarakat Adat Perpatih.

4.9 Kesedaran Dan Perkembangan Islam

Perkembangan Islam yang semakin pesat telah membangkitkan kesedaran masyarakat terhadap perlunya mereka memperdalam ilmu agama. Perkembangan Islam di zaman moden ini telah membawa kepada beberapa buah sekolah agama yang

memberi peluang kepada anak-anak desa menuntut ilmu agama. Guru-guru agama yang digaji oleh kerajaan untuk mengadakan ceramah-ceramah agama secara percuma di masjid-masjid. Ini bertujuan untuk menyebarkan lagi syiar Islam kepada seluruh masyarakat di desa mahupun di bandar-bandar.

Dengan adanya ilmu agama, masyarakat telah mula menilai yang mana benar dan yang mana salah dikerjakan di sisi agama Islam. Oleh itu ada di antara masyarakat Adat Perpatih yang berpendapat bahawa amalan Adat Perpatih itu adalah bertentangan dengan ajaran Islam terutamanya dalam kes pembahagian harta pusaka. Menurut hukum Islam, pembahagian harta pusaka haruslah mengikut sistem faraid iaitu kaum lelaki turut dapat merasakan bahagiannya. Berbanding dengan sistem Adat Perpatih yang menetapkan bahawa pewaris harta pusaka adalah menjadi milik mutlak kaum wanita. Daripada pandangan ini, sebahagian masyarakat Adat Perpatih sendiri telah mula mengeluarkan pendapat mereka dengan mengatakan bahawa Adat Perpatih itu bertentangan dengan Islam. Ini mendorong mereka mula meninggalkan amalan sistem bersuku Adat Perpatih.

Dengan perkataan lain kedudukan sistem bersuku dalam masyarakat Adat Perpatih telah mula terjejas akibat daripada perkembangan dan kesedaran masyarakat terhadap

kefahaman ilmu agama Islam. Golongan yang tidak bersetuju dengan adat mengambil pendekatan tidak mengendahkan adat dan menjalankan kehidupan mereka seperti biasa tanpa kongkongan adat yang turut dikatakan sebagai membelenggu fikiran masyarakat untuk mengejar kemajuan. Pandangan golongan ini telah menjejaskan sistem bersuku dan Adat Perpatih yang sebelum ini dikatakan sebagai adat yang murni dan lengkap dengan peraturan hidup.

BIBLIOGRAFI

BUKU

- Abdullah Siddik. 1977. Pengantar Undang-Undang Adat Di Malaysia. Kuala Lumpur : Universiti Malaya.
- Abdul Rahman Muhamad. 1974. Dasar-Dasar Adat Perpatih. Kuala Lumpur : Pustaka Antara.
- Abdul Samad Idris. 1968. Negeri Sembilan Dan Sejarahnya. Kuala Lumpur : Utusan Malayu.
- _____. 1970. Hubungan Minangkabau Dengan Negeri Sembilan : Pustaka Asas Negeri.
- Amir Syariffudin. 1982. Perlaksanaan Hukum Kewarisan Islam Dalam Lingkungan Adat Minangkabau. Jakarta. PT : Gunung Agung.
- Asmad. 1990. Kesenian Adat, Kepercayaan Dan Petua. Kuala Lumpur : Associated Educational Distributors (M) Sdn. Bhd.
- Aziz Deraman. 1975. Masyarakat Dan Kebudayaan Malaysia. Kuala Lumpur : Kementerian Kebudayaan Belia Dan Sukan.
- Buyong Adil. 1981. Sejarah Negeri Sembilan. Kuala Lumpur : Pustaka Antara.
- Gullick, J.M.. 1972. Sistem Politik Bumiputera Tanah Melayu Barat. (terj.). Kuala Lumpur : Dewan Bahasa Dan Pustaka.
- H.M. Siddin. 1964. Asal-Usul Adat Resam Melayu. Kuala Lumpur : Pustaka Antara.
- Hooker, M. B. 1970. Reading In Malaya Adat Laws. Singapore: University of Singapore.
- _____. 1972. Adat Laws In Modern Malaya. Kuala Lumpur : Oxford University Press.
- Idrus Hakimy. 1984. Rangkaian Mustika Adat Bersandi Syarak Di Minangkabau. Bandung : Remadja Karya CV.

- Ismail Hamid. 1988. Masyarakat Dan Budaya Melayu. Kuala Lumpur : Dewan Bahasa Dan Pustaka (DBP).
- Josselin De Jong, P.E. 1951. Minangkabau And Negeri Sembilan. Djarkarta : Bhavatra.
- Mohtar Mohd. Dom. 1977. Adat Perpatih Dan Adat Istiadat Masyarakat Malaysia. Petaling Jaya : Federal.
- Nasroen. 1970. Dasar Falsafah Adat Minangkabau. Djakarta : Bulan Bintang.
- Nordin Selat. 1982. Sistem Sosial Adat Perpatih. Kuala Lumpur : Utusan Malaya.
- Winstedt, R.O.. 1961. The Malays : A Cultural History. London : Lowe And Brydone (Printers) Ltd.
- Zainal Kling. 1977. Masyarakat Melayu. Kuala Lumpur : Utusan Melayu.

SEMINAR / KERTAS KERJA

- Nurhalim Ibrahim. 1992. Sistem Sosial Adat Perpatih. Seminar Warisan Perpatih. Universiti Kebangsaan Malaysia. 11-12 Sept. 1992.
- Mohd. Zain Hamzah. 1984. Adat Perpatih Selepas 1990. Seminar Kebangsaan Adat Perpatih Dan Wilayah Budaya Negeri Sembilan. Universiti Pertanian Malaysia. 3-5 Mei 1984.
- Mohd. Yusuf Md. Nor. 1984. Perlambangan Dalam Perbilangan Adat Perpatih : Satu Pandangan Umum. Seminar Kebangsaan Adat Perpatih Dan Wilayah Budaya Negeri Sembilan. Universiti Pertanian Malaysia. 3-5 Mei 1984.
- A. Samad Idris. Secebis Mengenai Adat Perpatih, Nilai Dan Falsafah. Seminar Kebangsaan Adat Perpatih Dan Wilayah Budaya Negeri Sembilan. Universiti Pertanian Malaysia. 3-5 Mei 1984.

JOURNAL / MONOGRAF

- Swift, M.G.. 1965. Malay Peasant Society In Jelebu. (London School of Economic Monographs On Social Anthropology, No. 29).
- Djamour Judith (1959). Malay Kindship And Economic Monographs In Singapore (London School Of Economic Monographs On Social Anthropology, No. 21).
- Nurhalim Ibrahim 1989. Sistem Masyarakat Negeri Sembilan. Journal Persatuan Sejarah Malaysia. Keluaran 13.

LATIHAN ILMIAH / TESIS

- Husin Kasah. 1985. Nilai Dan Pemikiran Masyarakat Melayu Negeri Sembilan Terhadap Adat Perpatih : Suatu Analisis Di Daerah Rembau. Latihan Ilmiah. Jabatan Persuratan Melayu. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Izhar Abu Talib. 1983. Struktur, Ciri Dan Fungsi Kepimpinan Kampung Melayu. Latihan Ilmiah Jabatan Psikologi, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Kahar Badar. 1963. Kindship And Marriage Among The Negeri Sembilan. Tesis B.A. : Universiti Malaya. Kuala Lumpur.
- Zainal Kling. 1969. Sistem Kekeluargaan Di Melaka Utara. Tesis B.A. : Universiti Malaya. Kuala Lumpur.

BUKU CENDERAMATA

- Ismail Abdul Hadi. 1992. Menjunjung Duli. Buku Cenderamata Istiadat Mengadap Penghulu-Penghulu Luak Negeri Sembilan Darul Khusus. Istana Sri Menanti.

SOALSELIDIK

A : Biodata Diri

Arahan : Isikan tempat kosong yang berkenaan :

1. Nama : _____
2. Jantina : _____
3. Umur : _____
4. Suku : _____
5. Pekerjaan : _____
6. Taraf pendidikan :
 - a. Sekolah Rendah
 - b. Sekolah Menengah
 - c. Institusi Pengajian Tinggi
7. Taraf Perkahwinan : Bujang / Berkahwin / Duda / Janda
8. Jawatan Dalam Suku : _____

B. PANDANGAN

Arahan : Tandakan 0 bagi jawapan yang sesuai untuk anda.

1. Adakah anda selalu berbual-bual dengan ibubapa anda dan orang-orang tua daripada anda mengenai Adat Perpatih ?
 - a. Selalu
 - b. Tidak selalu
 - c. Tidak pernah

2. Apakah topik yang selalu anda bualkan dengan mereka ?
 - a. Harta pusaka
 - b. Perkahwinan
 - c. Jawatan dalam Adat
 - d. Tiada satupun di atas

3. Satujukah anda jika dikatakan bahawa kebanyakan amalan dalam Adat Perpatih itu bercanggah dengan ajaran Islam.
 - a. Sangat tidak setuju
 - b. Tidak setuju
 - c. Tidak pasti
 - d. Setuju
 - e. Sangat Setuju

4. Adakah anda menghargai dan menghormati mereka yang dilantik menjadi Ketua Adat ?
- Ya
 - Tidak
 - Kadang-kadang
5. Adakah anda bersetuju jika dikatakan bahawa pengaruh adat ini telah pupus ditelan oleh zaman.
- Sangat tidak setuju
 - Tidak setuju
 - Tidak pasti
 - Setuju
 - Sangat Setuju
6. Pada pendapat anda, pada zaman moden ini patutkah kita mengamalkan lagi sistem Adat Perpatih ini.
- Sangat tidak patut
 - Tidak patut
 - Tidak pasti
 - Patut
 - Sangat patut

7. Adakah anda setuju untuk berkahwin dengan gadis / lelaki yang berasal dari suku anda sendiri ?
- a. Sangat tidak setuju
 - b. Tidak setuju
 - c. Tidak pasti
 - d. Setuju
 - e. Sangat setuju
8. Adakah anda selalu menghalang keluarga anda jika mereka mengamalkan Adat Perpatih ?
- a. Tidak pernah langsung
 - b. Kadang-kadang
 - c. Selalu
 - d. Tidak pasti
9. Setujukah anda untuk membantu orang yang sesuku dengan anda dalam semua hal.
- a. Sangat tak setuju
 - b. Tidak setuju
 - c. Tidak pasti
 - d. Setuju

10. Setujukah anda jika masalah yang anda hadapi dirujuk kepada Ketua Adat dalam suku anda ?
- a. Sangat tak setuju
 - b. Tidak setuju
 - c. Tidak pasti
 - d. Setuju
 - e. Sangat setuju
11. Adakah anda mengenali siapa Ketua Adat dalam suku anda sendiri ?
- a. Tidak kenal
 - b. Kenal
 - c. Tidak pasti
12. Adakah anda bersetuju jika dilantik menjadi Ketua Adat. Buapak, Lembaga dan sebagainya ?
- a. Sangat tidak setuju
 - b. Sangat setuju
 - c. Setuju
 - d. Tidak setuju
 - e. Tidak pasti

13. Adakah anda bersetuju dengan cara pembahagi harta pusaka dalam Adat Perpatih ?

- a. Sangat tidak setuju
- b. Setuju
- c. Sangat setuju
- d. Tidak setuju
- e. Tidak pasti

14. Adakah anda memahami maksud suku dalam Adat Perpatih ?

- a. Sangat tidak faham
- b. Sangat faham
- c. Faham
- d. Tidak faham
- e. Tidak pasti

C : Pemahaman

Arahan : Tuliskan Ya atau Tidak di tempat kosong.

1. Adakah anda tahu nama suku yang layak menjadi Datuk Penghulu dan Datuk Undang. _____
2. Adakah anda tahu hukum berkahwin sesuku ? _____
3. Adakah anda tahu maksud semenda-menyemenda ? _____
4. Tahukah anda nama suku ibu anda ? _____
5. Adakah anda tahu tentang peranan Buapak dan Ketua Adat dalam sukunya. _____
6. Adakah anda faham tentang istilah "kedim" ? _____
7. Adakah anda tahu jumlah suku yang terdapat dalam masyarakat Adat Perpatih di Negeri Sembilan . _____
8. Adakah anda boleh mewarisi harta pusaka ibu anda sendiri. _____
9. Adakah anda tahu bahawa orang yang sesuku dengan anda itu adalah dianggap sebagai saudara. _____
10. Pandangan anda terhadap Sistem Adat Perpatih.

